

Jangan campur tangan

M. M'sia m/s 7 25.3.07

DAKWAAN wujud ahli politik yang rasuah bekerjasama dengan pegawai polis yang juga rasuah. Apa komen Tan Sri?

MUSA: Kita tidak pernah menggalakkan penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Saya fikir masyarakat juga perlu membantu menanganinya masalah ini. Bagi saya rasuah adalah penyakit. Kalau masyarakat tahu peranan mereka dan menghormati undang-undang, mereka tidak akan membenarkan rasuah. Kalau ada yang melakukan, mereka perlu menanggung kesalahan itu. Dan kalau ada penguat kuasa meminta duit, mereka tidak seharusnya memberi. Jangan mengambil jalan singkat melepaskan diri daripada masalah. Sama juga sebagai pegawai polis atau penguat kuasa, kita tahu kita tidak boleh menerima rasuah. Kalau ada orang memberi, tahan mereka. Kefahaman ini yang perlu ditanamkan dalam minda anggota polis. Saya mencadangkan kenaikan gaji kerana ia sedikit sebanyak dapat membantu masalah rasuah. Saya tahu kalau gaji naik, rasuah tidak mungkin dapat dihapuskan 100 peratus, tetapi ia boleh dikurangkan. Dengan gaji yang agak lumayan, tidak ada sebab mereka perlu melakukan kerja bodoh ini.

Bagaimana Tan Sri menangani campur tangan orang luar dalam penyiasatan?

MUSA: Prinsip utama kita ialah tiada siapa yang harus campur tangan dalam penyiasatan polis tidak kira siapa pun mereka. Yang paling penting kita mahu menegakkan

keadilan. Kita kena siasat dengan adil untuk melihat betul atau tidak. Kalau betul, kita tidak boleh terus mengatakan dia bersalah melainkan telah dibicarakan di mahkamah. Kerana polis juga bertanggungjawab melindungi kepentingan mangsa (orang dituduh), bukan sahaja orang yang menuduh.

Sejauh mana Tan Sri terpaksa berdepan dengan campur tangan ahli politik?

MUSA: Nasihat saya kepada mereka ialah tolong jangan campur tangan kerja-kerja kami, tidak kira siapa pun mereka.

Berkaitan kes-kes tertunggak dan kekebalan kalah di mahkamah. Ada pihak mendakwa siasatan lemah dan timbalan pendakwa raya (DPP) terdiri daripada pegawai-pegawai muda.

MUSA: Banyak faktor mempengaruhi kehalahan. Tetapi apa yang perlu dilakukan ialah saya mahu meningkatkan kualiti penyiasatan. Saya tidak mahu menyalahkan pihak pendakwa atas sebab penyiasatan lemah. Kualiti penyiasatan mesti dipertingkatkan, kita mesti tahu apa bukti-bukti penting yang perlu dikumpul. Kedua, dalam mahkamah macam-macam boleh berlaku, termasuk pihak pembela boleh bercakap apa sahaja sebab kerja mereka untuk mewujudkan keraguan. Jika mereka mampu mewujudkan keraguan, kes akan dibuang. Di pihak kita, perlu memberikan bukti yang meyakinkan. Jadi kita tidak boleh menyalahkan DPP sahaja. Kadangkala banyak juga kes yang

Faktor dalam ini yang selalu memeningkan kepala. Kerja saya tidak takut. Berilah apa sahaja tugas, tetapi set minda anggota polis yang menjadi cabaran besar saya

— Musa Hassan

siasatan polis

disabitkan kesalahan tetapi kurang mendapat liputan. Sebaliknya kalau dibuang kes, liputan yang diberi besar-besaran. Jadi nampak kami ini teruk sangat. Tentang pegawai muda, kita memerlukan mereka tetapi kalau kita tidak melatih mereka, bagaimana mereka akan mendapat pengalaman? Pegawai polis yang menyiasat kes-kes bunuh ini mempunyai pengalaman lima tahun dan ke atas. Tetapi ada pegawai muda yang baru akan berada di lokasi bagi membantu pegawai berpengalaman, untuk belajar.

Orang ramai menaruh harapan yang tinggi kepada PDRM sekarang kerana mereka menyamakannya dengan imej Tan Sri sebagai anak tokoh agama, adakah bagi Tan Sri ini tanggungjawab cukup besar?

MUSA: Ini bukan besar lagi, ini tanggungjawab berat. Saya cuba memperbetulkan semula pasukan polis. Saya perlu mengubah pemikiran dan sikap para pegawai dan anggota saya. Kalau itu dapat saya lakukan, saya rasa menang dalam 'peperangan' ini. Faktor dalaman ini yang selalu memeningkan kepala. Kerja saya tidak takut. Berilah apa sahaja tugas, tetapi set minda anggota polis yang menjadi cabaran besar saya.

Selama enam bulan memegang jawatan ini, apa yang dapat Tan Sri katakan?

MUSA: Alhamdulillah ada para pegawai yang mematuhi apa yang saya hendak buat tetapi ada juga yang membangkang kerana

ini satu perubahan yang biasanya sesuatu yang sukar diterima. Kalau Nabi sendiri pun ada tentangan, apa lagi saya manusia.

Apa rahsia Tan Sri kekal sihat, bertenaga dan cergas selalu berbanding?

MUSA: Tidak banyak makan (ketawa). Berhenti makan sebelum kenyang. Melakukan senaman seperti berjoging, bermain badminton dan sebagainya. Jadikan rumah kita rumah yang bahagia, jangan biarkan di rumah berserabut, jika tidak kita juga berserabut. Jadilah orang yang mengutamakan keluarga, jangan buat perkara tidak betul.

Adakah Tan Sri mempunyai masa yang cukup bersama anak-anak?

MUSA: Tidak cukup. Kalau ada masa baru saya akan bersama mereka. Tetapi saya menjadikan anak-anak seperti kawan-kawan. Kami berbincang dalam apa jua masalah.

Tan Sri seorang bapa yang tegas?

MUSA: Saya seorang yang tegas terutama dalam hal disiplin. Saya sentiasa mengambil tahu ke mana anak-anak saya pergi.

Bagaimana Tan Sri berehat selepas bekerja seharian?

MUSA: Selalu di rumah, mendengar radio, menonton televisyen dan sembahyang.

Program televisyen yang diminati?

MUSA: CSI.